

A. Samad Idris
dengan



*Jejak-jejak
Pejuang*

A. Samad Idris
dengan

Jejak-jejak Pejuang

Dibantu oleh : Naharuddin Haji Ali

Sejambak Kenangan

Buku kecil ini saya berikan tajuk **“Jejak-Jejak Pejuang”** mengandungi 10 orang tokoh-tokoh pejuang gigih di mana ramai di antara kita yang tidak mengenali lagi.

Saya berhasrat untuk mengumpul seberapa ramai lagi tokoh dalam semua lapangan perjuangan untuk membebaskan tanahair dari cengkaman penjajah. Apa yang saya harapkan ia mendapat sokongan dari semua pihak semoga usaha ini akan mencapai matlamatnya.

Jika kedapatan sesuatu yang kekurangan dan kesilapan, ia merupakan tidak disengajakan. Harapan saya sama-sama diperbetulkan.

Siapakah yang harus dipersalahkan kalau generasi muda sekarang tidak mengenal tokoh-tokoh veteran yang berjuang menentang Malayan Union yang dipaksakan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1946 dulu.

Tahun 1996 bererti 50 tahun sudah berlalu - bagi mereka yang berumur 50 tahun sekarang apalagi yang lebih muda, bagaimanakah mereka dapat mengenali bapa-bapa atau datuk-datuk mereka yang sudah lanjut umur dan tidak sedikit pula yang telah pergi meninggalkan kita.

Mungkin yang berusia dalam lingkungan 50 tahun boleh mengingati **“detik-detik 12 satu saat”** di Padang Selangor Club di mana turunnya bendera Union Jack dan berkibar megah bendera kita 39 tahun yang lalu.

Pejuang-pejuang ini tidak pernah meminta jasanya dikenang atau menagih simpati, lebih-lebih lagi menadah tangan meminta-minta sesuatu sebagai balasan dari titik peluh perjuangan mereka.

Apa yang mereka harapkan agar anak-anak cucu dan generasi muda dapat menikmati hasil perjuangan mereka dan menyedari akan kelemahan dan keciciran mereka di masa lampau akibat penjajah yang bersikap **“telunjuk lurus kelengkeng berkait”**, **“mulut disuap pisang ekor dicangkuk duri”**.

Tidak perlu saya huraikan di sini akan kelemahan yang dimaksudkan kerana anak-anak muda hari ini semuanya sudah berpendidikan menengah dan tinggi, sudah boleh malah bijak menilai sesuatu di mana intan dan di mana kaca.

Bagaimanapun ada juga baiknya sekadar, **“kalau lupa beringat, kepa takbur tertaubar”**, manusia bergaduh malah berperang dan berbunuh-bunuhan adalah disebabkan pembahagian rezeki, tamak haloba dan adakalanya menindas di antara satu sama lain.

Oleh itu beringat-ingatlah **“melantai sebelum bulus”**, **“tengadah sebelum terantuk”**, **“sesal dahulu pendapat sesal kemudian tidak**

berguna", kalau sudah merasakan "sesat di hujung jalan baliklah ke pangkal jalan".

"Bila berjalan ke depan sesekali tolehlah ke belakang" agar ada munafaatnya.

Semoga Allah s.w.t. memberikan taufik dan hidayahnya.

A. Samad Idris

Teratak Desa Kuala Lumpur

1-10-1996.

Rintihan.....

Kubawa dingin pagi yang menyegarkan
ke wajahmu pesisir waktu
termangu di antara getar rindu
imbau kenanganku ke gunung menjulang indah
Merapi Singgalang sayup berbalam
igau bimbangku ke lurah memusar gundah!

Biarkan awan gemawan memintal janji
memutih bak kapas di busar
esok matari pasti kian meninggi
Perjuangan ini kita jadikan ikrar:
Ke benak menyelinap ingatan lampau
ke dada terungkap perjalanan kita.

Di sini akan ku bina tugu persahabatan
teman-temanku -
bersama bait rangkap lirik lagu
Semalam di Malaya:
Oh! Di mana kawan dulu
kawan dulu yang sama berjuang!
Rintih hati pencipta ternama
Saiful Bahari, temanku
iya, temanku yang sama berjuang.

Setengah abad berlalu detik ke detik
teman-temanku:
bukan masa yang pendek
memisahkan jarum waktu
Ke mana kau teman-temanku
di antara bayang yang hilang?

Siapa anak-anak yang menangisi
- Kau yang melangkah pergi
- Menyahut seruan Ilahi
Kerana kau dilahirkan
untuk menabur bakti
bangsa & negara

warisan tercinta

Dengarkan pewaris bangsa
yang bersopan di setiap abad
ini tugu yang kau bina dengan air mata
debar getarnya bersama keyakinan
Tekad nekadnya bersama ketabahan!

Aku tahu teman-temanku:

Kau tidak pernah meminta
jasamu dikenang anak-anak bangsa
kau tidak pernah mengemis simpati
belas ihsan penghormatan negara
kau tidak pernah memohon janji
darjah kebesaran mengerdip di dada.

Di dadamu terukir doa harapan
agar bangsamu, negaramu & warisanmu
selamat dan bebas:

Bebas dari cengkaman dan penindasan
bernama penjajah yang kejam!

Hari ini ku bawa matari pagi
menyinari jejak-jejak yang kau tinggalkan
rasakan hangat panas bumi ini:

Kembali ke teratak desamu
ke kota langkah kita bermula
kau akan termangu
bersama kemenangan namamu.

Kau akan membilang jerjak waktu
zaman lampau yang kita tinggalkan
langkah berat di jalan berkerikil
beg usang terjenjeng di tangan
haus dahaga di bawah bayang yang panjang.

Kini, kau bisa tersenyum teman-teman
yang hilang tanpa nama besar
nesanmu menjadi tugu saksi
anak-anak yang kau dewasakan
tabah yakinnya menjunjung kebenaran

rebah bangunnya menggenggam kesetiaan.
Usah pula kau tangisi
kalau anak-anakmu memalu gendang petualang
bertandak mengikut rentak walang kecundang
kerana pepatah yang berketak:
Gading mana yang tidak retak?

Anak-anakku
kembalilah ke pangkalan tempat kayuh bermula
kembalilah ke daratan tempat kaki berjejak

Pitih bertaburan
jangan biarkan mengabui mata
basah dalam kekeringan -
laksana buah dikait menimpa kepala
luruhnya air mata kita!

Akan ku sampaikan pesan ini
kepada anak-anak yang kau tinggalkan
nikmat itu bukan semuanya kenikmatan
celaka itu bukan semuanya kecelakaan
kerana di antara kemegahan anak-anak yang berjaya
gelap matanya malang kecundang
gertap bibirnya walang petualang.

Lupakah anak-anak kota
air telaga di desa
lupakah anak-anak pesan pejuang bangsa:
ular menyusur akar takkan hilang bisa

Mari teman-teman
kita kembali mengukur perkasa wajamu
kerana kau tidak mati
di setiap inci bumi ini
anak-anakmu sudah menikmati
segala hasil limpah budimu yang abadi.

Kampung dan desa sudah terbina
kota pembangunan, teman-teman
telaga di kambus airnya mengalir dalam besi

pelita dipadamkan apinya menyala di kaca
siapa lagi di antara kita
mimpinya khayal di siang hari?

Kini, ku bawa dingin pagi
bersama anak-anak berbimbing tangan ke sekolah
orang tua kian mesra di masjidnya
azan berkumandang di puncak menaranya
teman-teman seperjuangan di mana suaramu?

A. Samad Idris
Bukittinggi/Maninjau
di suatu pagi
26-9-96.





فرتو بهنك كيشانم سلاو برسيا تو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (DARU) ATAU UMNO

N0. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

Kata-kata Auan

UMNO yang ditubuhkan pada 11hb. Mei 1946 di Johor Bahru menumpukan perjuangannya pada peringkat awal kepada dua asas pokok, pertama menyatupadukan orang-orang Melayu yang bersifat kenegerian dan kedua menentang penubuhan Malayan Union.

Sebagai yang kita semua maklum sesudah Dato' Onn berjaya dalam kedua-dua perjuangan tersebut dan kemudian meninggalkan UMNO, teraju UMNO telah diambilalih oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Dalam masa kepimpinan Tunku inilah UMNO telah meletakkan asas perjuangannya untuk merebut kemerdekaan tanahair daripada belenggu penjajahan.

Kepimpinan dan kejayaan UMNO dalam perjuangannya bukan terletak di tangan Tunku seorang tetapi adalah dengan bantuan dan sokongan padu setiap pemimpin di semua peringkat dari Bahagian dan Cawangan serta ahli-ahli dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan.

Kebanyakan daripada pemimpin ini telah meninggalkan kita buat selamalamanya dan ramai antara generasi muda sekarang yang tidak mengenali mereka. Ini adalah kerana kekurangan bahan-bahan bacaan mengenai perkara ini.

Oleh itu, usaha Tan Sri Samad Idris mengumpulkan perjuangan tokoh-tokoh kebangsaan menerusi pita video dan buku ini adalah satu usaha yang sangat berguna bukan sahaja sebagai tanda kita mengenang jasa dan bakti tokoh-tokoh tersebut tetapi juga untuk pengetahuan kita, terutama generasi muda sekarang.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Kuala Lumpur
1 Oktober 1996



فروہنک بشائر اسلام اور مساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO

Kata-kata Auan

Sebarang usaha untuk mengumpulkan bahan-bahan yang mengandungi sejarah lebih-lebih lagi sejarah perjuangan bangsa membebaskan tanahair amat dialu-alukan.

Buku yang disusun oleh Tan Sri Dato' A. Samad Idris yang diberi judul "Jejak-Jejak Pejuang" ini semoga mendapat perhatian semua peringkat terutama generasi muda.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan 39 tahun yang lalu, bagi mereka yang berumur sekitar empat puluhan tentunya kurang mengenali tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan ini.

Ketandusan bahan-bahan bacaan yang berupa sejarah, agak kurang ditulis oleh penulis-penulis kita, semoga dengan terbitnya buku sepuluh orang tokoh pejuang ini dapat mengisi ruang-ruang yang masih agak kekosongan.

Diharapkan usaha ini merupakan langkah awal bagi melangkah lebih jauh lagi ke depan.

Wassalam.

Dato' Mohamad Rahmat

Setiausaha Agung UMNO Malaysia,
Merangkap Menteri Penerangan.



Kata-kata Bistari

1. Kalau jasamu nak dikenang
Kenanglah jasa mereka yang berjasa.
2. Dalam kehidupan insan di maya pada ini terdapat:
Banyak kawan dan tidak kurang juga musuh:
Musuh yang paling berbahaya ialah:
Musuh yang berselindung di sebalik nama kawan iaitu:
Musuh dalam selimut
Menggunting dalam lipatan
Pepat di luar - rencong di dalam
Lain dimulut lain dihati
3. Sesuatu yang agak pasti terjadi:
- Hari ini musuh - esok kawan
- Hari ini kawan - esok musuh
4. Berani kerana benar
Takut kerana salah
5. Benar itu kekuatan
Bukan kekuatan itu benar
6.
 - a. Jalan mendatar - Jalan yang lurus dan adil.
 - b. Jalan melereng - Jalan yang lurus tetapi tak adil.
 - c. Jalan mendaki - Jalan yang adil tetapi dengan kekerasan.
 - d. Jalan menurun - Jalan mengalah dan tak adil.
7. Apabila menyalahkan orang lain kerana hendak menyembunyi-
kan kesalahan sendiri menampakkan sikap buruk, tidak ber-
hemah tinggi dan belum dewasa.



Datuk Onn Jaafar
Yang diPertua Agung
1946-1951



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Yang diPertua Agung
1951-1970



Tun Abdul Razak Hussein
Presiden UMNO
1970-1976



Tun Hussein Onn
Yang diPertua Agung
1976-1981



Dato Seri Anwar Ibrahim
Timbalan Presiden



SYED NASIR BIN ISMAIL

SYED NASIR BIN ISMAIL

(1921 - 1982)

Di tengah kemuncak perjuangan bahasa Melayu tahun 1966, mereka yang terlalu emosional hampir mencampakkan Syed Nasir Ismail ke dalam unggun api yang menyala. Ketika ini aktivis bahasa yang dikenali Front Bertindak Bahasa Kebangsaan merasakan perjuangan bahasa Melayu menjadi sia-sia apabila kerajaan mahu melanjutkan tempoh untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di negara ini.

Semenjak tahun 1960 lagi aktiviti bahasa yang berpusat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengambil inisiatif menganjurkan 'Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan' untuk mempercepatkan semua rakyat menguasai bahasa Melayu malangnya menjelang tahun 1967 iaitu tempoh 10 tahun selepas merdeka bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal, tiba-tiba tergugat.

Para aktivis bahasa menuduh Syed Nasir selaku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di samping pengerusi Front Bertindak Bahasa Kebangsaan gagal menangani isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Syed Nasir menitiskan air mata dengan semangat para aktivis bahasa itu, lantas mengambil keputusan akan meletakkan jawatan sekiranya bahasa Melayu tidak menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal menjelang tahun 1967.

Syed Nasir mengkotakan janjinya dengan meninggalkan jawatan penting di Dewan Bahasa dan Pustaka setelah tempoh 1967 itu masih dikompromi oleh kerajaan. Ketegasan Syed Nasir inilah menjadikan beliau dianggap oleh cendekiawan Melayu dan aktivis bahasa sebagai 'Panglima Bahasa'.

Memang bertepatan gelaran 'Panglima Bahasa' itu diberikan kepada Syed Nasir dengan peranannya memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu dengan tidak ada batas sempadan. Jasa dan pengorbanan beliau dalam perjuangan bahasa inilah mendorong Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganugerahkan ijazah kehormat Doktor Persuratan kepada beliau. Tun Dr. Syed Nasir bin Ismail memang tokoh yang bersuara lantang dan amat disegani oleh kawan oleh lawan di dalam bidang politiknya.

Dilahirkan di Batu Pahat, Johor pada 7 Mac 1921, Syed Nasir memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Bandar Tinggi di Batu Pahat. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran menengah ke Government English School, Batu Pahat hingga lulus Senior Cambridge dalam tahun 1938. Beliau tidak terus berkhidmat dengan kerajaan setelah

menamatkan persekolahan menengah, tetapi memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjung Malim mengambil kursus penolong nazir sekolah-sekolah.

Kursus berkenaan dilanjutkan lagi ke Maktab Melayu Kuala Kangsar yang terkenal sebagai tempat persekolahan golongan elit Melayu ketika itu. Beliau mula bertugas sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu daerah Batu Pahat mulai tahun 1942. Malangnya pada tahun berkenaan mulai 15 Februari 1942, Persekutuan Tanah Melayu telah jatuh ke tangan Jepun. Dengan ini Syed Nasir meneruskan perkhidmatannya dengan pemerintah Jepun sehingga tahun 1945.

Beliau terus memegang jawatan Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu daerah Batu Pahat itu sehingga tahun 1949. Bagaimanapun disebabkan kegiatannya dalam politik UMNO semenjak perjuangan menentang Malayan Union, beliau telah ditukarkan ke Johor Bahru dalam tahun 1949 itu. Syed Nasir tidak bimbang meneruskan perjuangan politiknya sekalipun menjadi kaki tangan kerajaan dengan etika yang mesti dipatuhi.

Dalam perjuangan menentang Malayan Union pada peringkat awal nama Syed Nasir seolah-olah tenggelam di sebalik tokoh-tokoh ternama dari Johor seperti Dato' Onn Jaafar, Mohd. Noh Omar, Dato' Abdul Rahman Yassin, Saadon Jubir dan Syed Abdul Kadir Mohamad. Hinggalah berlaku krisis kepimpinan apabila Dato' Onn meninggalkan UMNO dalam tahun 1951.

Persidangan yang diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 25 - 26 Ogos 1951 itu telah memilih Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Yang Dipertua Agung dan Dato' Abdul Razak Hussain Timbalan Yang Dipertua Agung. Bagi mengisi 6 orang Ahli Jawatankuasa Kerja dalam pucuk pimpinan baru ini, Syed Nasir telah terpilih bersama Nik Ahmad Kamil (Kelantan), Haji Ahmad Fuad Hassan (Terengganu), Putih Mariah binti Ibrahim Rashid (Kuala Lumpur), Nasaruddin Rais (Perak) dan Bahaman Shamsuddin (Negeri Sembilan).

Bermula tahun 1951 inilah Syed Nasir terus terpilih dalam tempoh masa yang lama menduduki kerusi Jawatankuasa Kerja (Majlis Tertinggi) UMNO hingga ke akhir hayatnya. Sekalipun beliau seorang pemidato yang cekap, tetapi disebabkan kedudukannya sebagai pegawai tinggi kerajaan Syed Nasir tidak menonjol sangat dalam perjuangan kebangsaan terutama dalam era menuntut kemerdekaan.

Dalam buku 'UMNO 10 Tahun' memang tercatat nama Syed Nasir sebagai salah seorang anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada tahun 1956. Dalam tahun 1956 ini Syed Nasir baru sahaja dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Pengarah Sekolah-sekolah Melayu dan



Syed Nasir sedang berbincang dengan Dr. Mahathir



Seorang wakil dari Brunei telah menyampaikan piala pusingan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa kepada Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran, Tan Sri Syed Nasir di Parlimen semalam.

ditukarkan berkhidmat ke Kuala Lumpur. Kedudukan beliau dalam perkhidmatan kerajaan ini selaras dengan kemenangan UMNO dalam pilihanraya umum 1955 kerana beliau merupakan salah seorang pemimpin tertinggi parti.

Bagaimanapun pemerintah Inggeris tidak berpuas hati dengan perlantikan Syed Nasir ke jawatan berkenaan. Oleh itu Inggeris telah menukarkan nama jawatan berkenaan kepada 'Pengelola Sekolah-sekolah Melayu', sekalipun ketika ini Menteri Pelajaran disandang oleh Tun Abdul Razak. Langkah Inggeris menukar nama jawatan tersebut memang tidak dipersetujui oleh Syed Nasir, tetapi beliau mempunyai sebab untuk terus kekal di Kementerian Pelajaran.

Kalau sebelum pilihanraya 1955, Menteri Pelajaran dipegang oleh Dato' E E C Thuraisingham (1951 - 1954), kemudiannya bagi tempoh 1954 - 1955 ialah L D Whitefield, sudah tentu dia perlu bekerja kuat untuk bersama Tun Abdul Razak dalam melaksanakan tugas di Kementerian Pelajaran apabila UMNO dan Parti Perikatan memegang kuasa.

Selepas negara mencapai kemerdekaan tahun 1957, DBP juga dipindahkan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur. Bagi memperkemaskan DBP, Tun Abdul Razak telah melantik Syed Nasir menjadi pengarahnya menggantikan Prof. Ungku Aziz yang semakin bertambah kerja-kerjanya di universiti. Sebaik sahaja mengambil alih tugasnya di DBP, Syed Nasir merangka program untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam tempoh 10 tahun selepas merdeka.

Mulai tahun 1959, beliau menyusun strategi dengan mengadakan 'Minggu Bahasa Kebangsaan' bertujuan memberi galakan kepada semua warganegara termasuk bukan Melayu supaya menguasai pembelajaran bahasa Melayu. Sambutan yang menggalakkan dalam kempen 'Minggu Bahasa Kebangsaan' ini diteruskan pula dengan 'Bulan Bahasa Kebangsaan' mulai tahun 1960.

Dalam tempoh sebulan itu berbagai pertandingan diadakan termasuk pidato, bahas, berbalas pantun, karangan prosa dan lukisan dengan disegani oleh semua pihak sama ada pelajar-pelajar mahupun orang dewasa. Dalam masa yang singkat kempen ini berjaya memberi galakan kepada warganegara supaya mencintai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal yang dicadangkan supaya digunakan sepenuhnya di semua sektor.

Tetapi apabila kemuncaknya tahun 1966 itu Bahasa Melayu tidak dapat dilaksanakan menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di semua urusan rasmi kerajaan, maka Front Bertindak



Syed Nasir sedang menyampaikan cenderamata kepada Yang diPertuan Agung



Duta Besar Arab Saudi Sheikh Mohd. Shubaili bersalaman dengan Pro-Canselor UKM, Tan Sri Syed Nasir setelah menyampaikan cek derma RM643,000 untuk masjid UKM di Dewan Parlimen pagi semalam sambil disaksikan oleh Naib Canselor Universiti itu, Dr. Anuar Mahmud.

Bahasa Kebangsaan telah mengadakan tunjuk perasaan di DBP. Di antara aktivis bahasa yang terbabit termasuklah Datuk M Noor Azam (Mohd. Nor Yusof), Yahya Ismail dan editorial di DBP.

Dalam kemarahan aktivis bahasa inilah Syed Nasir telah diheret oleh mereka untuk dicampakkan ke dalam unggun api. Setelah berjaya mententeramkan keadaan, Syed Nasir telah naik ke pentas menyampaikan pidatonya mengenai pendirian beliau dalam perjuangan bahasa Melayu. Memang Syed Nasir tidak bertolak ansur dalam isu bahasa Melayu ini menyebabkan beliau terpaksa meletakkan jawatan selaku Pengarah DBP.

Kekosongan yang ditinggalkan oleh Syed Nasir ini menyebabkan DBP terpaksa dipimpin oleh Datuk Hassan Ahmad selaku Pemangku Pengarahnya. Syed Nasir menumpukan perhatian kepada perjuangan politik bagi membawa landasan bahasa Melayu ke arah bahasa rasmi dalam semua urusan rasmi kerajaan. Ketika ini surat-surat rasmi di jabatan kerajaan masih di dalam bahasa Inggeris.

Pilihanraya umum 1969, Syed Nasir turun ke gelanggang sebagai calon UMNO di kerusi Parlimen Muar Selatan. Beliau berjaya memenangi kawasan Muar Selatan tanpa bertanding. Bagaimanapun rakan baiknya Syed Jaafar Albar menghadapi pencabarnya dari Parti Gerakan, Tunku Archibold di kerusi Parlimen Johor Tenggara. Selepas pilihanraya umum inilah negara menempoh sejarah hitam dengan berlakunya Peristiwa 13 Mei.

Banyak kesan yang timbul akibat peristiwa hitam 13 Mei ini termasuk perjuangan bahasa Melayu yang dipertahankan oleh Syed Nasir. Pemerintahan negara telah diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (Mageran) apabila Parlimen digantung. Tun Abdul Razak yang menjadi Pengarah Mageran telah mentadbirkan negara sehingga parlimen dipulihkan semula mulai 21 Februari 1970. Sebelum parlimen dipulihkan Tunku Abdul Rahman telah mengundurkan diri daripada jawatan Perdana Menteri bagi memberi laluan kepada Tun Abdul Razak.

Banyak pihak meramalkan dalam kabinet Tun Abdul Razak menjelang pemulihan parlimen ini, Syed Nasir adalah bakal dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Ramalan ini berdasarkan senioriti beliau dalam pucuk pimpinan parti di samping pengalamannya berkhidmat di kementerian berkenaan. Bagaimanapun ramalan ini amat meleset kerana Syed Nasir tidak dibawa ke kabinet, dan jawatan Menteri Pelajaran diserahkan kepada Hussein Onn (Tun Allahyarham) ahli Parlimen Johor Bahru.

Sekalipun Syed Nasir tidak menganggotai kabinet, tetapi perjuangan bahasa Melayunya tidak sia-sia. Mulai pemulihan Parlimen pada 21 Februari 1970 itu semua urusan di Parlimen diwajibkan dalam bahasa



Syed Nasir sedang berucap dalam satu perjumpaan kempen Bahasa Kebangsaan

Malaysia termasuk perbahasan yang menjadi urusan terpenting, kecuali dengan meminta izin dari Speaker. Surat menyurat semua jabatan kerajaan diwajibkan menggunakan bahasa Malaysia, kecuali urusan perbicaraan di mahkamah.

Tahun 1969 merupakan detik mula kebangkitan bangsa Melayu, bukan sahaja dalam perjuangan bahasa malah meliputi juga bidang ekonomi. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diputuskan oleh kabinet, memberi ruang kepada kerajaan menubuhkan agensi-agensi dalam mempelopori kegiatan ekonomi. Dalam perancangan yang tersusun ini kerajaan juga menghadapi cabaran dari peniaga-peniaga, termasuk perbuatan menyorok barang-barang keperluan.

Di antara sabotaj yang dibuat oleh peniaga termasuklah kekurangan bekalan beras, kekurangan bekalan lada kering, kekurangan bekalan minyak tanah dan ketiadaan wang syiling lima sen. Semua ini merupakan tindak balas peniaga-peniaga dalam usaha menggalakkan DEB sebagai perjuangan meningkatkan ekonomi orang Melayu. Bagi mengatasi isu kekurangan bekalan beras ini kerajaan telah menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dengan Syed Nasir dilantik menjadi Pengerusi LPN yang pertama.

Apabila LPN mengambil alih menjadi pembekal utama beras masalah kekurangan bekalan beras serta-merta berakhir. Peniaga-peniaga beras yang sebelum itu cuba mengeksploit dasar kerajaan ternyata dilumpuhkan dengan penubuhan LPN ini. Dalam tempoh yang singkat sahaja Syed Nasir berjaya memulihkan semula isu kekurangan bekalan beras yang menggugat negara ketika itu.

Dalam tahun 1967, Syed Nasir dianugerahkan bintang kebesaran oleh Sultan Johor yang membawa gelaran Dato'. Kemudiannya dalam tahun 1971, Yang di-Pertuan Agong mengurniakan bintang Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran 'Tan Sri'.

Dalam pilihanraya 1974 Tan Sri Syed Nasir sekali lagi menang tidak bertanding bagi kerusi Parlimen di Pagoh. Selepas pilihanraya 1969 ini pindaan dibuat ke atas peraturan mesyuarat Parlimen membenarkan perantikan Speaker Dewan Rakyat bukan dari kalangan ahli-ahli Parlimen. Tan Sri Chik Mohd. Yusoff bin Abdul Rahman (C M Yusof) seorang tokoh veteran UMNO dan peguam dilantik menjadi Speaker Dewan Rakyat, dan Tan Sri Nik Ahmad Kamil dipilih menjadi Timbalan Speaker.

Selepas pilihanraya 1974 Tan Sri Nik Ahmad Kamil dilantik menjadi Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail adalah Timbalan Speaker Dewan Rakyat. Apabila mempengerusikan sidang Dewan Rakyat mulai tahun 1974 itu, semua pihak sudah meramalkan bahawa Syed Nasir

akan menguatkuasakan penggunaan bahasa Malaysia sepenuhnya.

Ketegasan Syed Nasir mengendalikan semua urusan di Dewan Rakyat dalam bahasa Melayu termasuk sesi soal jawab dan perbahasan memang tidak disenangi oleh ahli-ahli yang tidak fasih berbahasa Malaysia. Tetapi ketegasan Syed Nasir ini membolehkan ahli-ahli Parlimen yang tidak fasih berbahasa Malaysia mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh. Penggunaan bahasa Malaysia sepenuhnya di Dewan Rakyat membuktikan Syed Nasir tidak pernah undur dalam perjuangan bahasanya.

Beliau terus diberi kepercayaan menjadi Speaker Dewan Rakyat mulai 9 Januari 1978 berikutan dengan kematian Tan Sri Nik Ahmad Kamil. Bagaimanapun dalam ketegasan Syed Nasir mengendalikan sidang Dewan Rakyat beliau juga dihormati oleh pihak pembangkang kerana sikap terbukanya bersedia menerima pandangan pihak pembangkang dalam urusan di Parlimen.

Dalam mengisi DEB pertengahan tahun 70-an itu kerajaan menubuhkan institusi kewangan bagi membantu bumiputera dalam sektor industri iaitu Bank Pembangunan sebagai Pengerusi yang pertama. Beliau menjadi Pengerusi BPMB ini sehingga tahun 1981 apabila diambil alih oleh bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Dato' Abdul Samad Idris (Tan Sri).

Apa pun jawatan yang diserahkan kepada Tun Syed Nasir sumbangan beliau yang tidak dapat dilupakan oleh negara ialah perjuangannya mendaulatkan bahasa Melayu sama ada sewaktu berada di DBP, apatah lagi setelah menduduki kerusi penting di Dewan Rakyat. Syed Nasir yang diberi gelaran 'Panglima Bahasa' ini memang selayaknya menerima gelaran tersebut setelah meletakkan kedudukan bahasa Melayu di landasan yang kukuh semasa meninggalkan DBP tahun 1967 itu.

Beliau meninggal dunia pada 16 Mei 1982 dalam usia 61 tahun iaitu masih banyak mempunyai ruang untuk memberikan sumbangan bakti kepada negara. Tetapi takdir telah menentukan Syed Nasir terlalu awal meninggalkan perjuangannya sebagai 'Panglima Bahasa' yang tidak dapat dilupakan jasanya.

Bagi mengenang jasa dan sumbangan Syed Nasir dalam bidang bahasa DBP di bawah Ketua Pengarahnya Aziz Deraman telah mewujudkan 'Dewan Budaya Tun Syed Nasir Ismail' di DBP dalam tahun 1996 untuk dijadikan tempat pertemuan aktiviti kebudayaan dan bahasa Melayu. Tempoh perjuangannya sejak tahun 1951 apabila dipilih menjadi Majlis Kerja Tertinggi UMNO di bawah era pimpinan Tunku Abdul Rahman, membawa kepada peranannya di DBP dan kemudiannya di

Parlimen, Syed Nasir adalah satu-satunya pejuang bahasa Melayu yang tegas.

Dalam masa perjuangan bahasa Melayu dimulakan awal dekad 1960-an, Syed Nasir merupakan Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan. Bermula dengan perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu melalui sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan setiap tahun dalam tempoh 1960 - 1966, mereka juga mahukan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di peringkat rendah persekolahan hingga ke institusi pengajian tinggi.

Di sinilah desakan semakin kuat supaya ditubuhkan universiti dengan bahasa pengantarnya Melayu. Ketika ini semenjak tahun 1959 sudah banyak sekolah-sekolah menengah Melayu diwujudkan sekalipun dalam keadaan kekurangan guru-guru terlatih. Oleh itu peranan DBP dan Syed Nasir semakin mencabar iaitu bagi menyediakan buku-buku teks dan kajian dalam bahasa Melayu.

Peringkat awal sekolah-sekolah menengah Melayu diwujudkan memang guru-guru yang mengajar terpaksa menghadapi masalah kerana menggunakan buku-buku bahasa Inggeris terutama dalam matematik, geometri, fizik dan kimia yang diterjemahkan semasa berada di dalam kelas. Disebabkan semangat mahu melihat bahasa Melayu berjaya dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah guru-guru berkenaan terpaksa banyak berkorban. Kesulitan yang dihadapi di sekolah-sekolah ini menyebabkan Syed Nasir dan DBP menjadi sasaran kritikan terutama dari Kesatuan Guru-guru Melayu.

Tahun 1960 dan 1961, DBP berjaya menterjemahkan buku-buku teks pelajaran sains seperti fizik, kimia dan rumpukan sains dalam bahasa Malaysia. Sekolah-sekolah menengah Melayu mampu mengendalikan mata pelajaran sains dalam bahasa Malaysia, setelah pihak DBP bertungkus-lumus menyediakan buku-buku berkenaan. Inilah peranan yang dimainkan oleh Syed Nasir dalam menyediakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pembelajaran hingga ke institusi pengajian tinggi.

Kejayaan DBP menterjemah dan menyediakan buku-buku Melayu ini mendorong Kesatuan Guru-guru Melayu dan aktivitis bahasa membuat desakan supaya ditubuhkan universiti dengan pengantar bahasa Melayu. Ura-ura penubuhan universiti berkenaan dipanjangkan pula oleh Syed Nasir ke dalam Majlis Tertinggi UMNO sehingga ianya menjadi isu nasional. Bermula dari sinilah kemudiannya kerajaan bersetuju menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), setelah pembelajaran di peringkat menengah mencapai kejayaan.

Dalam perjuangan bahasa ini sudah tentulah peristiwa tahun 1966 apabila aktivis bahasa mengadakan tunjuk perasaan di DBP dengan mengusung 'Keranda 152' secara simbolik, telah meninggalkan kesan yang memilukan perasaan Syed Nasir Ismail. Beliau terpaksa meletakkan jawatan di DBP, setelah tempoh penggunaan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal 1967 dilanjutkan.

Tun Syed Nasir Ismail, satu-satunya pemimpin UMNO yang berani turun ke gelanggang meredakan keadaan tunjuk perasaan aktivis bahasa di DBP yang tengah membakar semangat dengan luapan berkobar-kobar, dalam peristiwa mengusung 'Keranda 152' tahun 1966 itu.